

22 OCT 1996

Mohamed-Peraturan

GARIS PANDUAN KANDUNGAN SIARAN TELEVISYEN DIHALUSI

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan sedang membincangkan garis panduan kandungan bahan siaran televisyen dan radio, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

"Rundingan antara pegawai dan Ketua Setiausaha kedua-dua kementerian sedang berjalan sekarang bagi mengatasi masalah penapisan bahan siaran," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Pusat Operasi TV3 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Pentas, Bandar Utama di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ada stesen televisyen tempatan yang tidak sensitif dengan usaha kerajaan menangani gejala sosial dan menyiarkan program yang bertentangan.

Mohamed berkata Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri telah membuat beberapa teguran mengenai perkara itu dan kedua-dua kementerian sedang mengambil tindakan lanjut berikutan arahan Perdana Menteri.

Ditanya mengenai perkara lain yang membabitkan masalah dalam penapisan itu, Mohamed berkata : "Ada perkara-perkara lain, saya hendak sebut nanti tertegur pula kerana ada membabitkan stesen televisyen tempatan, jadi kita kena adillah. Perdana Menteri ada membuat teguran tempoh hari dan kita sudah membetulkan perkara itu."

Mengenai bentuk penapisan sendiri dan siaran tertunda yang dikehendaki kerajaan dalam penyiaran program-program televisyen dan radio, beliau berkata ia sedang diusahakan.

Beliau berkata kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk mencapai penapisan sendiri dalam penayangan bahan siaran televisyen dan radio.

Ketika ditanya mengenai permohonan TV3 mengadakan siaran 24 jam, Mohamed berkata keputusan telah dibuat berhubung dengan perkara itu tetapi ia perlu diubah dan memerlukan kajian berdasarkan dengan perkembangan semasa. -- BERNAMA

ZAB HS MAI